



**PEJABAT MENTERI**

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **BAJET 2022: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KOMITED TINGKAT KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN WARGANYA**

**KUALA LUMPUR, 30 Oktober 2021--** Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menyambut baik Bajet 2022 yang bertemakan “Keluarga Malaysia – Makmur Sejahtera”.

Bajet yang memberikan tumpuan kepada tiga paksi utama iaitu memperkuuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kehidupan rakyat Malaysia mengharungi pasca COVID-19.

Keluarga Malaysia pastinya menghargai pelbagai imbuhan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan, bukan sahaja kepada kakitangan awam tetapi juga masyarakat umum terutamanya mereka yang memerlukan.

Meskipun KWP tidak menerima jumlah peruntukan yang diharapkan dari kerajaan persekutuan, namun kami tetap terus komited meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

KWP menerima peruntukan sebanyak RM414,209,900 bagi tujuan pembangunan di Wilayah Persekutuan yang merangkumi projek *Public Private Partnership* (PPP) dan *Private Finance Initiative* (PFI), membaik pulih jalan-jalan dan jambatan-jambatan, baik pulih sungai, sewerage *non-river* (SWR) dan *River of Life* (ROL), selain pembangunan di Labuan dan Putrajaya.

Manakala RM256,601,400 pula diperuntukkan sebagai peruntukan mengurus termasuklah bagi tujuan pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar, perancangan dan pembangunan, pengurusan, selain bagi program khusus untuk penyelenggaraan bas Putrajaya, diskaun tambang feri Labuan dan naik taraf Dataran Pahlawan Negara.

KWP juga mengucapkan terima kasih apabila kerajaan persekutuan bersedia memperuntukkan sebanyak RM65 juta untuk membina sebuah sekolah menengah agama di Labuan.

Pastinya pengecualian duti hiburan ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di Wilayah Persekutuan akan membantu industri tersebut kembali

bangkit selepas terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Manakala pengecualian cukai pelancongan yang dilanjutkan kepada 31 Disember ini turut dapat membantu memulihkan industri pelancongan di ketiga-tiga wilayah.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga memuji program *Community Feeding* kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin bandar di beberapa negeri termasuklah di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mana akan menyediakan makanan tambahan lima kali seminggu kepada 100 kanak-kanak berusia satu hingga enam tahun. Program ini akan memastikan kanak-kanak miskin bandar tidak akan kelaparan dan dapat meringankan beban keluarga yang terkesan.

Kami di KWP akan memastikan peruntukan yang disediakan itu bakal memberi manfaat kepada rakyat di Wilayah Persekutuan.

KWP dan agensi-agensi di bawahnya akan menggalas amanah yang telah diberikan dengan mendukung iltizam Keluarga Malaysia, Inklusif dan Mampan.

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**Menteri Wilayah Persekutuan**

**30 Oktober 2021**